

# Lam KeranaMu Malaysia terus dimainkan

BH 29 AUG 2000

KUALA LUMPUR, Isnin.- Lagu tema Hari Kebangsaan ke-43, KeranaMu Malaysia akan dimainkan sepanjang masa walaupun sambutan Bulan kemerdekaan berakhir pada 16 September depan, bagi menanam semangat patriotik di kafangan rakyat Malaysia.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata, ini kerana lirik dan melodi lagu KeranaMu Malaysia juga mempunyai maksud yang boleh membangkitkan rasa

kecintaan rakyat kepada negara.

"Saya berharap lagu itu akan dinyanyikan semua peringkat masyarakat, tidak kira di mana mereka berada. Lagu itu mudah dihafal kerana liriknya ringkas tetapi penuh simbolik," katanya selepas melancarkan sambutan ulang tahun ke-43 di Hotel Federal Kuala Lumpur, di sini hari ini. Turut hadir, Pengurus Besar hotel berkenaan, Kelvin Loh.

Hotel Federal Kuala Lumpur dibina atas permintaan Perdana Menteri pertama yang juga Bapa

Kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada 1957, bagi memenuhi keperluan penginapan delegasi luar negara yang menghadiri sambutan Hari Kemerdekaan pertama negara ketika itu.

Bagi meraikan ulang tahun itu, Hotel Federal KL menerbitkan poskad yang memaparkan detik bersejarah di hotel berkenaan, selain mengadakan pameran kemajuan dicapai negara sebelum dan selepas merdeka.

Pada majlis sama, hotel berkenaan turut menyumbangkan kutipan derma

sebanyak RM18,000 kepada Yayasan kebajikan Negara (YKN).

Abdulf Kadir berkata, sambutan Bulan Kemerdekaan, kempen kibar Jalur Gemilang dan perayaan keagamaan yang dilancarkan baru-baru ini, mendapat persetujuan semua pemimpin kerajaan negeri termasuk Kelantan dan Terengganu.

"Walaupun berbeza fahaman politik, tetapi untuk sebulan mereka sanggup ketepikan perbezaan itu untuk menghayati erti Kemerdekaan," katanya.

Selain itu, pihak swas-

ta turut mengatur perayaan yang membabitkan semua masyarakat yang bertempat di Taman KLCC, Sunway Lagoon, Pusat beli-belah Mines, Dataran Merdeka dan Bintang Walk.

Sambutan Bulan Kemerdekaan dari 17 Ogos hingga 16 September ini dibahagikan kepada empat acara utama - pelancarannya dengan upacara menaikkan bendera, program Ambang Merdeka, perarakan dan majlis penutup perayaan.

Upacara menaikkan bendera dirasmikan oleh

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 17 Ogos lalu dan sambutan yang sama diadakan serentak di seluruh negara.

Program Ambang Merdeka pula akan diadakan tepat jam 12 tengah malam pada 30 Ogos. Program itu simbolik bagi mengingati detik Tunku Abdul Rahman menurunkan bendera Union Jack dan menggantikannya dengan Jalur Gemilang sebagai menandakan Malaysia bebas daripada belenggu penjajahan British.